



Ruj. Kami : JPA.S.600-18/10/8 (287)
Tarikh: 17 November 2023

WAN KHAIRUNNISA AZMI
860225-29-5576

Tuan/Puan,

TAWARAN BERSYARAT HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SESI 2024

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa tuan/puan telah dipilih untuk ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) sesi 2024 secara bersyarat bagi mengikuti pengajian seperti butiran berikut:

PERINGKAT : SARJANA
KLUSTER : SOCIAL SCIENCES, JOURNALISM AND INFORMATION
BIDANG : SOCIAL AND BEHAVIOURAL SCIENCES
TEMPAT PENGAJIAN : DALAM NEGARA
KAEDAH PENGAJIAN : KERJA KURSUS

Tawaran bersyarat ini berkuat kuasa daripada **1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024** sahaja. Tawaran bersyarat ini akan terbatal sekiranya tuan/puan **gagal memulakan pengajian** dalam tempoh yang ditetapkan tersebut.

2. Sekiranya tuan/puan menerima tawaran HLP sesi 2024 ini, tuan/puan adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang berikut:
 - (i) Tuan/puan **tidak dibenarkan untuk menukar kluster, bidang dan tempat pengajian dan lain-lain** yang telah ditawarkan;
 - (ii) Mengemukakan permohonan kemasukan ke **institusi pengajian/ universiti** berdasarkan universiti yang disenaraikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Tuan/puan adalah digalakkan untuk memohon lebih daripada 1 kursus pengajian daripada institusi pengajian/universiti **bagi mengelakkan risiko kursus yang ditawarkan** tidak bertepatan dengan tawaran bersyarat atau mengelakkan kegagalan mendapatkan **tempat pengajian** dalam tempoh tawaran bersyarat yang ditetapkan. Namun, kelayakan tuntutan bayaran permohonan hanya **terhad kepada 3 permohonan** universiti sahaja;
 - (iii) Mendapat tawaran universiti dan memulakan pengajian selewat-lewatnya pada **31 Disember 2024**. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab tuan/puan untuk menyemak tarikh permohonan dan kemasukan universiti supaya perancangan sewajarnya dapat dibuat selaras dengan tempoh yang ditetapkan tersebut. **Sebarang penangguhan memulakan pengajian adalah tidak dibenarkan**.
 - (iv) **Wajib hadir dan lulus Kursus Persediaan Ijazah Lanjutan (calon Sarjana penyelidikan dan Ph.D sahaja)** kelolaan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang mana akan diadakan pada ketetapan yang akan dimaklumkan kelak; dan

- (v) Menduduki dan lulus ujian Bahasa Inggeris sebelum memulakan pengajian di universiti dengan skor minimum seperti berikut (calon bagi **pengajian luar negara sahaja**):
- IELTS : Band 6.5; atau
 - TOEFL : Internet Based: 92 point / Paper Based: 580 point

Hanya ujian Bahasa Inggeris yang diambil pada atau selepas **1 Januari 2023** sahaja diambil kira bagi tujuan ini dan sebarang kos peperiksaan yang terlibat adalah di atas tanggungan tuan/puan sendiri tanpa melibatkan sebarang tuntutan bayaran balik kepada Jabatan ini.

3. Untuk makluman tuan/puan jua, kegagalan tuan/puan memulakan pengajian seperti mana yang ditetapkan akan menyebabkan **tindakan senarai hitam** ke atas tuan/puan akan dikenakan seperti berikut:
- 3 sesi penawaran HLP**; dan
 - lain-lain kemudahan latihan / tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam yang layak dipohon oleh pegawai dalam tempoh 3 tahun selepas penawaran ini.
4. Kerajaan berhak meminda, menambah atau membatalkan syarat-syarat tawaran ini dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis dan tuan/puan adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut.
5. Kerjasama tuan/puan dimohon untuk melengkapkan surat setuju terima tawaran bersyarat HLP Sesi 2024 seperti di **Lampiran A** dan mengemukakan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) **sebelum atau pada 6 Disember 2023**. Kegagalan tuan/puan untuk mengemukakan surat setuju terima seperti yang ditetapkan tersebut menyebabkan tawaran bersyarat ini terbatal secara automatik. Sebarang penolakan tawaran atau penarikan diri yang diterima **selepas daripada 6 Disember 2023** boleh dikenakan tindakan senarai hitam seperti di perenggan 3 tertakluk kepada pertimbangan lanjut oleh pihak JPA.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Emel : penawaranldp@jpa.gov.my
Tel : 03-8885 3569 / 3991 / 3371

Nota: Pegawai dimohon untuk mengemukakan sesalinan surat tawaran bersyarat ini kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia masing-masing bagi tujuan rekod.

****Surat ini adalah cetakan komputer dan tandatangan tidak diperlukan***